

23 OCT 1998

LAPORAN-PRAKATA/I

MAHATHIR: LANGKAH-LANGKAH TELAH MULA MEMBERIKAN HASIL POSITIF

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah-langkah pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak Julai tahun ini telah memberikan hasil yang positif.

Institusi perbankan dan sektor swasta telah mendapat manfaat daripada langkah-langkah ini seperti kedudukan mudah tunai yang bertambah baik dan kadar faedah yang lebih rendah manakala pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan telah mula meningkat, kata beliau.

Permintaan dalam negeri, terutamanya bagi kereta penumpang telah bertambah manakala rizab luar negara Malaysia telah meningkat, kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama dalam prakata Laporan Ekonomi 1998/99 Kementerian Kewangan yang dikeluarkan di sini hari ini.

"Rizab luar negeri kita telah meningkat manakala permodalan pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur (yang mengalami tekanan hebat sejak bermulanya krisis kewangan pada Julai tahun lalu) lebih stabil."

Perdana Menteri berkata dengan berlatar belakangkan senario begini, kerajaan yakin asas-asas ekonomi negara akan terus bertambah kukuh dalam bulan-bulan akan datang.

"Akaun semasa imbalan pembayaran telah mencatat lebih RM15 bilion dalam separuh pertama tahun 1998," katanya dan bagi keseluruhan tahun 1998, lebih ini dijangka meningkat kepada sekurang-kurangnya RM20 bilion.

Menurut Dr Mahathir walaupun negara akan mengalami penguncupan dengan pertumbuhan negatif 4.8 peratus tahun ini, ekonomi negara dijangka pulih pada tahun 1999 dengan pertumbuhan satu peratus manakala kadar inflasi akan terus berada pada paras yang rendah terutama dengan nilai ringgit yang bertambah kukuh.

Beliau juga berkata di samping mengelak daripada mengamalkan dasar kewangan dan fiskal yang ketat sejak Julai lalu, kerajaan telah bertindak untuk kepentingan negara "bagi memastikan segala kejayaan yang telah diperolehi melalui usaha-usaha pembangunan ekonomi selama empat dekad yang lepas dapat dipertahankan."

Dr Mahathir berkata rakyat harus percaya dan yakin terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan dan sokongan rakyat yang berterusan merupakan ramuan yang penting bagi pemulihan ekonomi.

"Dengan sokongan padu dari semua lapisan masyarakat, saya yakin kita akan dapat melangkah ke hadapan dengan penuh yakin," katanya sambil menambah bahawa Malaysia harus bertindak dengan tegas untuk mencergaskan semula ekonomi dan pada masa yang sama melindunginya daripada terjejas oleh persekitaran luar yang tidak stabil.

Kata Perdana Menteri Malaysia kecewa dengan ketiadaan usaha untuk memperbaiki sistem kewangan antarabangsa dan memandangkan risiko penularan yang meningkat, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi melindungi ekonomi melalui kawalan pertukaran matawang bagi membolehkan kerajaan mempunyai kebebasan dalam menentukan dasar kewangan serta menjamin peningkatan ketelusan di BSKL.

Akibat daripada krisis kewangan yang timbul ini, rakyat Malaysia terpaksa membayar 60 peratus lebih tinggi untuk mendapatkan satu dolar, BSKL mengalami kerugian sebanyak dua pertiga daripada permodalan pasarannya sejak Jun 1997 atau bersamaan dengan 186 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) atau dua tahun pendapatan negara.

-- BERNAMA

MR KY MA